

EUPHEMISM BY PREACHERS IN NEGERI SEMBILAN DIALECT

EUFEMISME OLEH PENDAKWAH DALAM DIALEK NEGERI SEMBILAN

Khazri Osmanⁱ, Mohamad Yazid Abdul Majidⁱⁱ, Melor Fauzita Md Yusoffⁱⁱⁱ,
Mohammad Fadzeli Jaafar^{iv} & Sharifah Nuraina Nabila Syed Sharifuddin^v

- ⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. khazri@ukm.edu.my
- ⁱⁱ (*Corresponding author*) Pensyarah Kanan, Program Bahasa Arab dan Kesusasteraan Islam, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. yazidmajid@usim.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. fauzita@uum.edu.my
- ^{iv} Profesor Madya, Pusat Kajian Bahasa & Linguistik, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. fadzeli@ukm.edu.my
- ^v Calon Sarjana, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. p131252@siswa.ukm.edu.my

Received: 4 June 2024

Article Progress
Revised: 13 September 2024

Accepted: 31 October 2024

Abstract	<p><i>A preacher plays a role in conveying the message of preaching so that the community holds firmly to their religion. In this regard, the preacher should master the local dialect so that the message of preaching can be well understood by the target audience. However, mastering the dialect alone is not enough; the preacher must also incorporate euphemism and avoid taboo language. This emphasis is important because the culture of the Malay community is closely related to politeness. Although euphemisms in various dialects have been studied, there is still room to examine the application of euphemisms by preachers in the Negeri Sembilan Dialect, especially using the Quranic theory and the theory by Allan & Burrige (1991). This is because the use of dialect in preaching strengthens the identity of its speakers and consequently the identity of Negeri Sembilan itself. This qualitative study using a case study design aims to identify the challenges of using the Negeri Sembilan dialect by preachers, determine the importance of using euphemisms in delivering sermons, and examine the euphemisms of the Negeri Sembilan dialect applied by preachers. The findings reveal that elements of euphemism theory highlighted by Allan & Burrige (1991), such as body, sex, gender, anger, disease, death, fear, and divinity, are applied by preachers in the Negeri Sembilan dialect. The use of these euphemisms has highlighted the politeness appreciated by all community members and indirectly facilitated the preaching process. The use of euphemisms in the preacher's speech is also found to be in line with the concepts found in the Quran and the theory by Allan & Burrige (1991).</i></p> <p>Keywords: <i>Euphemism, preacher, dialect, Negeri Sembilan</i></p>
-----------------	--

Abstrak	<p><i>Pendakwah berperanan dalam menyampaikan mesej dakwah agar masyarakat berpegang teguh pada agama. Dalam hal ini, pendakwah seharusnya menguasai dialek tempatan agar mauduk dakwah yang disampaikan dapat difahami dengan baik oleh golongan sasaran. Akan tetapi, penguasaan dialek sahaja tidak memadai, bahkan pendakwah hendaklah menerapkan eufemisme serta mengelakkan bahasa yang tabu. Penekanan ini penting kerana budaya masyarakat Melayu sememangnya berkait rapat dengan kesantunan. Meskipun eufemisme dalam pelbagai dialek telah dikaji, namun, masih terdapat ruang untuk mengkaji penerapan eufemisme oleh pendakwah dalam Dialek Negeri Sembilan, terutamanya dengan menggunakan teori al-Quran dan teori Allan & BurrIDGE (1991). Hal ini disebabkan penggunaan dialek dalam dakwah mengukuhkan jati diri penuturnya sekali gus jati diri Negeri Sembilan itu sendiri. Kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini bertujuan mengenal pasti cabaran penggunaan dialek Negeri Sembilan oleh pendakwah, mengenal pasti kepentingan penggunaan eufemisme dalam penyampaian dakwah dan mengkaji eufemisme dialek Negeri Sembilan yang diterapkan oleh pendakwah. Dapatan mendapati elemen-elemen teori eufemisme yang diketengahkan oleh Allan & BurrIDGE (1991), iaitu badan, seks, jantina, kemarahan, penyakit, kematian, ketakutan dan ketuhanan diterapkan oleh pendakwah dalam dialek Negeri Sembilan. Penggunaan eufemisme ini telah menyerlahkan sifat sopan santun yang disenangi oleh seluruh ahli masyarakat dan secara tidak langsung memudahkan proses dakwah oleh pendakwah. Penggunaan eufemisme dalam ujaran pendakwah juga didapati bersesuaian dengan konsep yang terdapat dalam al-Quran dan juga teori Allan & BurrIDGE (1991).</i></p> <p>Kata kunci: <i>Eufemisme, Pendakwah, Dialek, Negeri Sembilan.</i></p>
----------------	---

Pengenalan

Bahasa amat diperlukan untuk mengungkapkan perasaan seseorang atau menyampaikan sesuatu maklumat. Akan tetapi, ada masanya perasaan yang ingin dinyatakan itu mungkin menyebabkan pihak yang dilawan cakap tersinggung atau memahaminya dalam konteks yang berbeza, maka penutur haruslah menggunakan kebijaksanaannya untuk mengelakkan berlakunya pergeseran. Eufemisme ialah bentuk kiasan yang menggambarkan sesuatu rujukan dengan cara memberikan kesan yang baik, terutamanya apabila item yang dirujuk itu mempunyai konotasi yang buruk, kasar, dan sebagainya. Malah, penggunaan eufemisme bukan sekadar bagi melembutkan kata-kata yang agak kasar, sebaliknya eufemisme digunakan sebagai strategi berbahasa sopan untuk tidak menyinggung hati dan perasaan orang lain (Asmah Omar, 2008).

Untuk menunjukkan kesopanan penutur dan mengelakkan bahasa yang tidak santun, maka kaedah parafrasa, penggunaan bahasa yang panjang lebar atau penghuraian digunakan. Eufemisme dan bahasa yang panjang lebar atau disebut juga sebagai *circumlocution* adalah penting untuk menghindarkan bahasa tabu yang sering dilakukan untuk menghina, menimbulkan kemarahan, menjadi agresif, menarik perhatian, mempersendakan sesuatu pihak atau bersifat lucu (Seong, 2019).

Pendakwah ialah insan yang dekat dengan masyarakat. Dakwah yang disampaikan secara lisan dan penulisan memerlukan kekuatan bahasa. Hal ini demikian kerana bahasa yang baik dan santun. Bagi pendakwah, dia harus menerapkan komunikasi yang beretika, sesuai dan menarik. Mustafa Mashhur mengingatkan bahawa kesedaran tentang rasa kebertanggungjawaban dalam menjaga tatasusila adalah penting sewaktu berbicara demi kebaikan pendakwah, kandungan dakwah dan golongan sasaran dakwah (Nur Damia Husna & Zulkefli, 2017). Pendakwah hendaklah mengambil berat kedua-dua bentuk komunikasi; verbal dan non-verbal. Tambahan pula insan yang dapat berkomunikasi

dengan berkesan mampu mengukuhkan kebenaran bagi mempengaruhi masyarakat. Islam sebagai agama yang sempurna sudah pasti dapat dihayati oleh masyarakat sama ada yang Muslim mahupun yang bukan Muslim jika komunikasi yang beretika diamalkan secara konsisten dan disampaikan oleh pendakwah yang berkomunikasi dengan beretika (Muh. Syawir Dahlan, 2014). Secara prinsipnya, komunikasi sesama manusia mestilah dilaksanakan dengan penuh etika dan kesantunan untuk menjaga perasaan orang lain. Komunikasi yang baik dilakukan dengan menggunakan bahasa yang sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya (Siti Noraien Razali, 2016). Selain itu, pendakwah perlu mengaplikasikan bahasa yang sesuai serta menarik untuk dituturkan dalam komunikasinya (Saodah Wok, 2003).

PERMASALAHAN KAJIAN DAN TINJAUAN LITERATUR

Kredibiliti pendakwah boleh dinilai melalui cara penyampaian dakwah dan bahasa yang digunakan. Gaya komunikasi pendakwah mampu menarik minat pelbagai pihak dan membina pengikut yang berakhlak (Wawarah Saidpudin et al., 2021). Bahasa melambangkan adab dan perilaku pendakwah dalam penyampaian mesej dakwah. Golongan sasaran dakwah boleh menilai pendakwah menerusi gaya penyampaian dan bahasa yang digunakan. Kebolehterimaan dakwah amat bergantung pada bahasa yang digunakan oleh pendakwah. Maka tidak dapat dinafikan bahawa keupayaan berbahasa merupakan kompetensi yang sangat diperlukan oleh pendakwah. Akan tetapi terdapat segelintir pendakwah tidak berhati-hati dengan penggunaan bahasanya dalam dakwah. Ada masyarakat yang memiliki perasaan yang sensitif dan mudah tersentuh menyebabkan menimbulkan persepsi yang salah terhadap pendakwah (Nur Damia Husna & Zulkefli Aini, 2017).

Hakikatnya, pendakwah perlu menggunakan bahasa yang mudah difahami walaupun menggunakan medium bahasa Melayu (Zikmal Fuad, 2015). Pendakwah perlu mengelakkan penggunaan dialek pertuturan pendakwah yang berbeza dengan pertuturan golongan sasaran, seperti orang Asli (Zulkefli et al., 2019), kerana penguasaan pelbagai bahasa boleh mengukuhkan personaliti pendakwah (Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat @ Kawangit 2020). Penentuan sesuatu bahasa pilihan ini adalah penting untuk mengelakkan daripada berlakunya masalah sosial seperti penyampaian yang tidak jelas, salah tanggap, pergaduhan dan lain-lain (Khairul Ashraaf & Harishon Radzi, 2023). Walaupun dalam kajian ini dinyatakan kepelbagaian bahasa, namun boleh difahami kepelbagaian bahasa itu termasuklah menguasai dialek. Hal yang sama pernah dinyatakan oleh Junaini dan Muhammad Fahmi (2018) bahawa mutakhir ini ramai pendakwah sama ada dari agensi kerajaan, negeri, swasta atau sebagai pendakwah bebas yang menggunakan dialek negeri masing-masing dalam berdakwah secara verbal kerana pendekatan sedemikian boleh membina hubungan yang akrab dengan golongan sasaran dakwah seterusnya memudahkan penghayatan ilmu yang disampaikan.

Dialek Negeri Sembilan juga telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji seperti Yeop Johari Yaacob (1989) berpendapat bahawa dialek Negeri Sembilan sebagai ciri budaya hendaklah dipertahankan. Dialek ini kurang terpelihara disebabkan gangguan loghat bahasa Melayu yang lain khususnya bahasa sekolah atau bahasa baku yang luas pemakaiannya sejak beberapa dekad. Tambahan pula, Mohammad Fadzeli Jaafar et al. (2011) juga mendapati bahawa perubahan sosial turut mempengaruhi golongan muda untuk bertutur dalam dialek Negeri Sembilan, selain kewujudan penutur separa yang sekadar mendalami sebahagian daripada dialek Negeri Sembilan. Dalam kajian yang dilakukan oleh Kalthum Ibrahim (2017), beliau mendapati satu keadaan yang membimbangkan, iaitu para penutur dialek Negeri Sembilan berasa malu untuk menggunakan dialek tersebut disebabkan persepsi yang kurang baik tentang orang Negeri Sembilan yang diberikan oleh masyarakat luar.

Kajian eufemisme dalam dialek tempatan agak kurang dikaji. Antara kajian yang pernah dilakukan termasuklah oleh Hamidah Abdul Wahab et al. (2016) yang mendapati

bahawa budaya berbahasa masyarakat yang mengutamakan kesantunan dan pegangan pada agama Islam yang diterjemahkan dalam amalan seharian banyak mempengaruhi eufemisme kematian dalam Masyarakat Melayu Sarawak. Selain itu, terdapat juga kajian oleh Suzieyana Ritos & Muhammad Zaid (2020) yang menyimpulkan bahawa setiap golongan masyarakat perlu menerapkan eufemisme dalam komunikasi lisan kerana langkah ini dapat menghindarkan konflik dalam komunikasi khususnya ketika melampiaskan kemarahan, sindiran dan gurauan. Pengkaji mendapati bahawa eufemisme dalam dialek Negeri Sembilan masih belum dikaji sedangkan eufemisme dalam dialek tempatan memang memerlukan kajian lanjutan. Sebagaimana pengkaji lepas telah mengkaji eufemisme dalam dialek Sarawak, maka eufemisme dalam dialek Negeri Sembilan juga wajar diselidik. Tambahan pula ada pengkaji yang berpandangan bahawa dialek Negeri Sembilan hendaklah dipertahankan sebagai ciri budaya. Begitu juga dengan pandangan yang menyebut pegangan agama turut mempengaruhi eufemisme dalam dialek. Maka dalam hal ini, pendakwah mempunyai tugas yang penting dalam menyampaikan mesej masyarakat agar berpegang teguh pada agama menerusi penggunaan dialek tempatan khususnya dialek Negeri Sembilan yang menerapkan eufemisme. Dengan peranan yang dimainkan oleh pendakwah ketika menyampaikan dakwah juga dapat menangkis perasaan malu sebahagian masyarakat semasa menuturkan dialek Negeri Sembilan sekali gus memperkasa dialek ini.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan:

- a) mengenal pasti cabaran penggunaan dialek Negeri Sembilan oleh pendakwah;
- b) mengenal pasti kepentingan penggunaan eufemisme dalam penyampaian dakwah;
- c) mengkaji eufemisme dialek Negeri Sembilan yang diterapkan oleh pendakwah.

KERANGKA TEORETIKAL

Al-hikmah atau kebijaksanaan amat mustahak dalam dakwah. Pendekatan ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 16: 125 yang bermaksud: *"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik, serta berbalaslah dengan golongan sasaran dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhan mu sahaja yang lebih mengetahui orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui golongan yang mendapat hidayah"*. Hikmah dalam ayat ini bermaksud dengan secara bijaksana, akal budi yang mulia, berlapang dada dan hati yang bersih yang boleh menarik perhatian golongan sasaran terhadap agama (Hamka 2012). Eufemisme dalam al-Quran dijelaskan sebagai *qawl ma'ruf*, melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' (4: 8) yang bermaksud: *"Sewaktu pembahagian itu hadir beberapa orang kerabat, anak yatim dan orang miskin. Maka berilah mereka daripada harta itu (sekadarnya) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik"*.

Kata-kata yang baik dalam ayat ini bermaksud perkataan yang tidak menyakiti perasaan pendengar. Sebarang kata-kata atau teguran, hendaklah disampaikan dengan santun supaya suasana yang harmoni dapat diwujudkan walaupun mungkin terdapat perkataan yang kurang disenangi daripada pihak yang dilawan bicara (Munajjid 2009). Selain ayat ini, Allah SWT juga berfirman dalam Surah al-Isra' (14: 28) yang bermaksud: *"Jika engkau berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang mudah."* Kata-kata yang mudah dalam ayat ini bermaksud perkataan yang lembut, senang (Tabari 2001), *latif*, yakni lunak, halus, berseni (Sa'di, 2000) dan terbaik (Qurtubi, 2006).

Selain teori daripada al-Quran, kajian ini turut memanfaatkan teori oleh Allan dan Burrige (1991), bahawa eufemisme terdiri daripada anggota badan, seks, jantina, kemarahan, penyakit, kematian, ketakutan dan ketuhanan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes dalam kualitatif biasanya disebabkan oleh penyelidik berminat meneroka, membuat interpretasi, dan untuk

mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes, dan bukannya untuk menguji sesuatu hipotesis (Othman Lebar, 2017). Data dikutip menerusi:

- a) Pemerhatian secara langsung dengan mengikuti ceramah yang disampaikan oleh pendakwah yang dipilih. Pemerhatian dilakukan sepanjang kuliah yang disampaikan di masjid atau surau di mana-mana daerah di Negeri Sembilan.
- b) Temu bual secara santai dengan pendakwah yang dipilih. Soalan disusun secara berstruktur untuk memudahkan data yang diperoleh dianalisis seterusnya tiada bahagian yang tertinggal.

Sampel dan Informan Kajian

Pemilihan sampel dan informan kajian dilakukan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Pendakwah yang dipilih ialah anak Negeri Sembilan yang mempunyai tauliah mengajar agama dari Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, memiliki pengalaman berdakwah lebih daripada 12 tahun dan mengajar agama di Negeri Sembilan. Oleh itu, sampel yang dipilih terdiri daripada kalangan pendakwah yang memiliki kesemua ciri yang dinyatakan untuk mendapatkan semua maklumat yang diperlukan terhadap isu yang hendak dikaji.

PENGUMPULAN DATA

Temu bual dijalankan secara santai pada waktu informan tidak bertugas. Teknik temu bual secara berstruktur adalah sesuai untuk mendapatkan data yang mendalam, terperinci dan mudah (Creswell, 2013). Kaedah pemerhatian pula dijalankan semasa sesi ceramah atau kuliah di masjid atau surau.

Dialek Negeri Sembilan

Dialek berasal daripada bahasa Yunani “dialektos”, sinonim dengan loghat (Siti Noraini Hamzah et al., 2014). Meskipun Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan, masyarakat setempat turut menuturkan dialek tempatan sebagai bahasa harian. Kawasan dialek Melayu terdiri daripada kawasan dialek di Semenanjung Malaysia, Sabah serta Sarawak. Di Semenanjung Malaysia dialek yang ada termasuklah dialek Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan (Asmah Omar 1991). Dialek bukanlah bentuk bahasa formal yang boleh digunakan bagi tujuan rasmi. Namun, dialek bersifat komuniti bahasa, iaitu sekumpulan manusia yang berhubung rapat dan kepelbagaian dialek tetap hidup dan berkembang sesuai dengan peranannya (Junaini Kasdan & Muhammad Fahmi Abu Hassan 2018). Dialek tempatan adalah variasi daripada bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara dan diterima pakai sebagai *indicator* bahasa standard serta dialek Melayu standard. Justeru Malaysia dari segi khazanah bahasa dan kebhahasannya merupakan negara yang amat kaya dengan kepelbagaian dialek, sub dialek dan sub-sub dialek tetapi masih mengekalkan kefahaman yang terjalin antara penduduk yang merentas sempadan negeri, daerah dan mukim. Ini menjelaskan lagi akan keistimewaan serta keunikan dialek tempatan yang seharusnya dipelihara dan didokumentasikan bagi mengelak kepupusan warisan bangsa dan negara yang tiada nilai batasannya (Noor Rohana Mansor et al., 2013). Dialek tidak membataskan pergaulan antara penutur kerana mereka masih boleh berkomunikasi.

Walaupun ada yang menyamakan dialek Negeri Sembilan dengan bahasa Minangkabau, hakikatnya bahasa Minangkabau bukanlah bahasa asal orang Negeri Sembilan kerana bahasa Minangkabau dibawa dari luar dan dibawa oleh orang yang datang. Orang Minangkabau berhijrah secara beramai-ramai ke Negeri Sembilan lalu membentuk penempatan yang tersendiri. Maka dengan faktor ini, bolehlah dikatakan dialek Negeri Sembilan merupakan dialek asli bagi penutur yang berasal dari Negeri Sembilan (Syafika Atika Othman & Fazal Mohamed, 2019). Tambahan pula dialek yang dituturkan di Negeri Sembilan, misalnya di Kuala Pilah dan Rembau berbeza dengan dialek Minang yang dituturkan di Minangkabau (Asmah Omar, 1988).

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Untuk mengkaji cabaran penggunaan dialek Negeri Sembilan oleh pendakwah, pendakwah/informan 1 berpandangan *"kadang-kadang kita merasakan ada dalam kalangan pendengar yang bukan orang Negeri Sembilan. kalau kita bercakap dalam dialek Nogori, nanti ada pulak pendengar yang tak faham apa yang kita cakap."* Hakikatnya, pemilihan bahasa yang sesuai dengan tahap golongan sasaran mempunyai pengaruh yang besar dalam penyampaian mesej dakwah. Bahkan ukuran penerimaan mesej dakwah bergantung pada penyampaian yang berkesan oleh pendakwah (Nur Damia Husna & Zulkefli Aini, 2017). Ajid Che Kob menegaskan bahawa, pemilihan bahasa yang tidak disokong oleh bahasa yang bersesuaian memberikan kesan terhadap serta menghalang aktiviti sosial (Khairul Ashraaf & Harishon Radzi, 2023).

Dakwah mungkin berdepan dengan kegagalan sekiranya kesalahan bahasa berlaku kerana kata yang sama tidak semestinya sesuai untuk semua golongan sasaran dakwah kerana latar belakang mereka yang berbeza. Pendakwah juga hendaklah mengkaji latar belakang pendidikan, usia, status, dan budaya golongan sasaran dakwah (Zikmal Fuad & Ahmad Ato' Mokhtar, 2014). Pendakwah/informan 2 pula berpandangan *"nanti ada pulak jemaah yang ingat kito ni mengubah bahasa yang ado dalam kitab. Maka nak tak nak kito cakaplah bahaso standard supaya kito dapek kekalkan kandungan yang ado dalam kitab yang kito ajar tu."* Halangan ini berlaku sekiranya pendakwah menggunakan teknik terjemahan semantik dalam penyampaian. Bagi mengelakkan hal ini, pendakwah boleh memilih menggunakan pendekatan komunikatif yang lebih cenderung kepada terjemahan berkurangan, mementingkan mesej, pembaca sasaran, budaya bahasa sasaran dan mengutamakan fungsi (Seong, 2011). Jika pendakwah menggunakan pendekatan semantik-komunikatif pula, makna asal dalam rujukan tidak akan hilang bahkan kandungannya dapat disampaikan dengan lebih menarik berdasarkan bahasa yang difahami oleh golongan sasaran dakwah. Seterusnya, pendakwah/informan 3 berpandangan, *"bergantung pado keupayaan bahaso kito. Kalau kito pandai cakap bahaso standard, kito cakap lah bahaso standard. Kalau rasa kita bercakap bahaso standard tu boleh menyebabkan penyampaian kito jadi lambat, cakap ajolah bahaso Nogori."*

Selanjutnya pendakwah/informan 4 berpandangan *"Kalau di rumah kito biasa bercakap loghat Nogori, masa berceramah nanti terkeluarlah bahaso Nogori kito tu. Tapi kalau di rumah kita bercakap bahaso luar, hanya tak cakap bahaso Nogori semasa berceramah, jadi payahlah sikit."* Dapatan ini sejajar dengan kajian Klein (1986) yang menyatakan bahawa pembelajaran bahasa memerlukan latihan komunikasi setiap hari. Tanpa latihan, penutur sukar memahirkan dirinya dalam menuturkan apa-apa bahasa termasuklah dialek atau loghat. Oleh yang demikian, pendakwah yang ingin bertutur dalam dialek Negeri Sembilan perlu membiasakan loghat ini semasa berkomunikasi sesama keluarga.

Berkaitan eufemisme dalam pengucapan, semua informan bersetuju bahawa disfemisme dalam ujaran wajar dielakkan. Misalnya pendakwah/informan 1 berpandangan bahawa *"kalau cakap bahaso yang kasar, nanti orang anggap kito ni suko kekasaran dan berperangai kasar, sebagaimana bahaso yang kito cakap tu."* Pendapat ini meneguhkan pandangan Zaitul Azma & Ahmad Fuad (2011) bahawa terdapatnya hubungan bahasa dengan kepercayaan dan nilai hidup dalam kebudayaan penuturnya. Malah bahasa dan konsep pemikiran penutur juga ditentukan oleh cara dan perlakuan penutur itu terhadap setiap sesuatu yang dipandang dan diamati di dunia ini. Setiap satu perlakuan yang dipandang mendorong penutur itu membina pemahaman yang bermakna tentang alam sekelilingnya lalu diungkapkan menggunakan bahasa

Manakala pendakwah/informan 2 pula berpandangan *"Bahaso yang santun ni dapat menenangkan hati kito. Selepas ceramah kito tak ada rasa bersalah sebab tersalah cakap."* Sedangkan bagi pendakwah/informan 3 *"Penggunaan bahaso yang santun ni ada keberkatan eh, sebab Nabi Muhammad SAW banyak menggunakan bahaso yang santun dalam dakwah."* Adapun bagi pendakwah/informan 4, *"Kito boleh gunakan bahasa yang kasar, tapi bukan selalu. Kalau dari mulo ceramah asyik menggunakan bahaso yang kasar,*

nanti orang cap kito ni pengasar.” Pendakwah/informan 3 mempunyai pendapat yang sama dengan pendakwah/informan 2, “Nabi kito tak cakap bahaso kasar-kasar ni. Kito pendakwah hendaklah meniru caro Rasulullah SAW dalam berdakwah, santun, lembut.”

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh informan, dapatlah disimpulkan bahawa cabaran dalam penggunaan dialek Negeri Sembilan adalah seperti yang berikut:

- a) Kebimbangan terhadap golongan sasaran dakwah yang tidak memahami dialek.
- b) Kebergantungan pada bahasa yang terdapat dalam bahan rujukan yang digunakan dalam dakwah.
- c) Keupayaan berbahasa.
- d) Bergantung pada bahasa yang digunakan dalam konteks seharian.

Berpandukan pandangan yang dikemukakan oleh informan juga, dapatlah disimpulkan bahawa kepentingan penggunaan eufemisme dalam penyampaian dakwah adalah seperti yang berikut:

- a) Mengelakkan sangkaan yang buruk oleh golongan sasaran dakwah terhadap pendakwah.
- b) Memberikan ketenangan jiwa.
- c) Meneladani gaya dakwah Rasulullah SAW.

Eufemisme Oleh Pendakwah dalam Dialek Negeri Sembilan

Data untuk bahagian ini diperolehi daripada pemerhatian yang dilakukan terhadap peserta kajian yang terdiri daripada pendakwah. Menerusi pemerhatian, setiap elemen eufemisme dalam teori oleh Allan, & Burrige (1991), seperti anggota badan, seks, jantina, kemarahan, penyakit, kematian, ketakutan dan ketuhanan, dianalisis seperti yang berikut:

Anggota Badan

Pendakwah 1: *“Maso bersuci pastikan **anu** dibasuh boto-boto. Kalau tak nanti tak sah ibadat”*

Bersuci atau istinja dengan menggunakan air mutlak hukumnya adalah harus. Selain air, batu atau benda yang pejal dan kesat yang boleh menghilangkan najis. Cara istinja yang afdal adalah dengan menggunakan batu diikuti dengan air. Hal ini disebabkan batu boleh menghilangkan *‘ayn* najis dan air pula menghilangkan kesan-kesannya tanpa bercampur dengan *ayn* najis tersebut (Khin et al., 2010). Asalnya, penggunaan *anu* ditujukan untuk orang, benda dan sebagainya yang tidak disebut namanya (Kamus Dewan, 2005). Namun dalam ayat ini, *anu* digunakan untuk menggantikan zakar, pelir atau faraj kerana penggunaan istilah-istilah ini dianggap disfemisme.

Pendakwah 2: *“Bagi orang pompaan, tudung tu konolah dilabuhkan supaya menutup **dado**.”*

Firman Allah SWT dalam surah Al-Nur (21: 31) yang bermaksud: *Katakanlah kepada wanita yang beriman: “Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau hamba-hamba yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Janganlah mereka menghentakkan kaki agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung”.* Tudung yang labuh seharusnya

labuh sampai menutup dada termasuklah menutup buah dada wanita. Akan tetapi penggunaan buah dada atau tetek dianggap tabu di sisi masyarakat lalu digantikan dengan "dada" sahaja. Penggantian perkataan buah dada dengan hanya menyebut dada sahaja mematuhi peraturan eufemisme.

Pendakwah 3: "*Budak lelaki yang bolom **berjawi** pun boleh jugak sembahyang kek saf dewasa. Cumo janganlah solat boto-boto kek belakang imam.*"

Berkhatan dapat memudahkan kanak-kanak menyucikan alat kelaminnya kerana bersuci itu salah satu daripada syarat sah ibadah, khususnya solat. Khatan mempunyai hikmat dan kebaikan dari sudut keagamaan dan faedah dari aspek kesihatan. Berkhatan merupakan fitrah manusia dan lambang syariat Islam. Dengan berkhatan, manusia dapat melengkapkan kesuciannya, mengukuhkan tauhid dan imam. Selain itu, berkhatan adalah salah satu ciri yang membezakan antara Muslim dengan Non-Muslim. Dari sudut kesihatan pula, berkhatan dapat membersihkan kekotoran yang tersembunyi pada bahagian alat sulit lelaki serta menghindarkan penyakit (Ulwan 1992). Walaupun khatan bukanlah terlalu tabu, namun penggunaan kata berjawi, iaitu kata kerja refleksif bagi menggantikan khatan atau sunat melambangkan eufemisme penuturnya. Jawi mempunyai maksud yang lain, iaitu huruf Arab dengan beberapa huruf tambahan yang digunakan untuk menulis dalam bahasa Melayu. Maka dalam hal ini, disebabkan orang Melayu sering dikaitkan dengan Islam, maka orang yang masuk jawi dianggap berkhatan kerana berkhatan termasuk dalam ciri Muslim.

Seks

Pendakwah 1: "*Isteri ni kiro **kobun** leh dek suami. Boleh buek apo sajo tapi konolah ikut adab-adab Islam.*"

Ujaran ini mengandungi *tashbih*, iaitu kaedah mengungkapkan sesuatu dengan menyerupakannya dengan sesuatu lain yang memiliki ciri persamaan. *Tashbih* juga boleh disebut sebagai simile, yakni perihal membandingkan sesuatu dengan yang lain yang mempunyai ciri yang sama dengan menggunakan kata peranti yang tertentu (Ishak Rejab et al., 2017). Kebun yang merupakan tempat pertanian, diserupakan dengan wanita. Hal yang sama telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2: 223) yang bermaksud: "*Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu. Oleh itu, datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai*". Isteri diibaratkan seperti tanah, air mani seperti benih dan zuriat seperti tanaman yang tumbuh (Sabūnī, 1997). *Mushabbah* dalam ayat ini ialah isteri atau wanita, kebun tanaman sebagai *mushabbah bihi* serta pengguguran peranti yang lazimnya digunakan, iaitu *kaf*. Oleh yang demikian, pendakwah memilih menggunakan kebun yang dianggap bercirikan eufemisme berbanding menyebut sebarang perkataan yang lain yang hampir dengan seksual.

Pendakwah 2: "*Dari segi adab eh, kito konolah membaca doa sobolum **besamo** dengan isteri. Ini sunnah Nabi.*"

Pasangan suami dan isteri diharuskan apa-apa melakukan perbuatan yang diharamkan sebelum perkahwinan, termasuklah hubungan seks. Penggunaan bersama dalam ujaran ini menunjukkan pendakwah mementingkan eufemisme berbanding menyebut hubungan jenis, bersetubuh, hubungan kelamin dan sanggama. Doa yang dimaksudkan ialah doa sebelum bersama dengan pasangan. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (2006):

{ بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْنَا }

Maksudnya: "*Dengan nama Allah, Ya Allah, hindarilah syaitan daripada mengganggu kami, dan hindarilah syaitan mengganggu anak yang Engkau anugerahkan kepada kami*" (Hadis Muslim. *Kitab al-Nikah Bab Ma Yustahabb an Yaquhalahu 'ind al-Jima'* No. 1434).

Pendakwah 3: "Antaro perkara yang boleh membatalkan poso termasuklah pakai tangan sendiri sampai keluar air."

Pendakwah menggunakan salah satu kedah dalam eufemisme, iaitu *circumlocution*, atau menerangkan sesuatu dengan panjang lebar Teo Kok Seong (2019) untuk mengelakkan bahasa yang tabu. Dalam ujaran ini pendakwah memaksudkan perbuatan melancap, onani dan *masturbation*, yakni melakukan zina tangan. Manakala air yang dimaksudkan dalam ujaran ini ialah air mani. Onani bermaksud mengeluarkan air mani dengan tangan bagi mencapai tahap klimaks demi kepuasan batin sendiri (Ibn Manzūr, 1993). Menurut Suyuti (2001), pengamal onani termasuk dalam golongan yang melampaui batas. Hal ini dikatakan demikian kerana syarak mengharuskan manusia melampiaskan syahwat dengan cara menyetubuhi isteri atau hamba yang dimiliki. Amalan onani atau melancap berpunca daripada sindrom lemah kawalan nafsu. Ulama berpandangan, hukum onani adalah haram kerana melepaskan nafsu bukan menerusi saluran yang betul. Onani menjejaskan kehidupan seksual dalam rumah tangga dan menjadi salah satu faktor kemandulan (Zaharuddin Abd Rahman, 2015).

Jantina

Pendakwah 1: "Dalam rumah tanggo ni ado macam-macam. Ado isteri yang keluar bokojo tapi *kawan* eh duduk ajo di rumah."

Kawan yang dimaksudkan dalam ujaran ini ialah suami. Dalam hal ini, pendakwah menggantikan istilah suami dengan kawan, sedangkan penggunaan kawan dapat difahami dengan maksud rakan, sahabat, teman, atau taulan. Hakikatnya, kawan juga boleh digunakan untuk maksud orang yang bersama-sama melakukan sesuatu (Kamus Dewan 2005). Pemilihan perkataan kawan untuk ungkapan ini mencerminkan eufemisme kerana sebahagian masyarakat memandang perbuatan suami yang hanya menjadi suri rumah dan membiarkan isteri bekerja sebagai tabu. Zulkifli Muhammad al-Bakri berpandangan, hukum bagi suami menjadi suri rumah tidak digalakkan jika tidak diredai oleh isteri. Sebaliknya jika isteri reda suami menjadi suri rumah, maka hukumnya harus, sebagaimana diharuskan suami memakan mahar isteri dengan izinnya. Tindakan isteri membantu keluarga adalah satu tindakan terpuji dan pengorbanan yang wajib diterima kasih oleh suami. Oleh yang demikian, suami supaya hendaklah sentiasa berusaha dan mencuba mencari pekerjaan dan memberikan nafkah kepada isteri dan keluarga (Mohd. Husni, 2022).

Pendakwah 3: "Rezeki Allah SWT ni tak tontu. Ado yang baru nikah sebulan duo, dah ado *isi*."

Perkataan *isi* yang digunakan dalam ujaran ini merujuk ibu yang hamil. Hal ini dikatakan demikian kerana janin yang dikandung diumpamakan sebagai *isi* yang memenuhi ruang rahim. Penggunaan *isi* dalam ujaran ini melambangkan eufemisme kerana kadangkala sebahagian masyarakat memandang serong terhadap kehamilan yang segera, atau disebut juga sebagai bunting pelamin, iaitu mengandung pada bulan pertama berkahwin (Kamus Dewan, 2005).

Kemarahan

Pendakwah 1: "Kalau ilmu baru nak *komirau*, tak payahlah nak menunjuk pandai. Orang tak goma."

"Komirau" ialah kata adjektif, dengan maksud asalnya ialah buah yang masih mentah dan keras, yang berkongsi maksud dengan kirau (Kamus Dewan, 2005). Walau bagaimanapun

dalam ujaran ini pendakwah menggunakan *isti'arah*, iaitu penggunaan perkataan bukan dengan pengertian asal kerana ada hubungan perumpamaan serta ada petanda yang menghalang daripada penggunaan pengertian asal (Ishak Rejab et al., 2017). Dengan maksud yang lain, pendakwah mengingatkan orang yang mempunyai ilmu yang cetek supaya tidak menunjukkan kepandaian kerana boleh mengundang persepsi yang kurang baik oleh masyarakat.

Pendakwah 2: *"Banyak pergaduhan dalam masyarakat hari ni punco eh hati yang kodu."*

Kedu, kata adjektif yang bermaksud terlentik ke belakang kerana sakit pinggang dan sebagainya, atau terkedik (Kamus Dewan, 2005). Sedangkan dialek Negeri Sembilan, kodu bermaksud busuk hati (A. Rahim Ismail et al., 2016) yang bersinonim dengan jahat hati (Kamus Dewan, 2005). Penggunaan kodu menggantikan jahat hati yang agak tabu menggambarkan eufemisme oleh pendakwah. Adapun dari aspek perkaitan antara kodu dengan kedu sifat sakit yang lebih cenderung kepada perkara yang tidak disukai dan negatif, dihubungkan dengan hati yang jahat yang juga bersifat negatif dan tidak disukai. Orang yang mempunyai sifat dendam yang tinggi, mengamalkan budaya cantas mencantas orang lain, suka berdengki dan pelbagai sifat yang negatif, termasuk dalam kalangan orang yang duduk di keladak kehidupan (Zaiton Mohamad, 2011).

Kebencian

Pendakwah 1: *"Jangan goma celopar mulut sesamo kito ni, kang kok kono puga mulut tu dek orang. Hidup dalam masyarakat bergaulah elok-elok."*

Puga, kata kerja transitif yang memerlukan objek kata nama selepasnya dalam ungkapan ini bermaksud sental. Contoh penggunaannya dalam ayat, "sental lantai itu kuat-kuat dengan berus dawai, baru bersih" (A. Rahim Ismail et al., 2016). Penggunaan puga dalam ujaran ini bagi menggantikan sental sebagai bahasa yang bersifat figuratif dan kiasan. Sental yang sinonim dengan menggosok dengan kuat atau mengganyah agak tabu jika digunakan dalam ujaran berbanding dengan puga yang lebih halus. Hal ini demikian kerana, puga yang agak hampir dengan dialek Minangkabau yang bermaksud mengerjakan dengan sungguh-sungguh. Manakala dalam bahasa baku pula, pugar mengandungi erti memperelok semula, membaharui atau memulihkan (Kamus Dewan, 2005). Mulut yang dipuga boleh dikaitkan juga dengan menjaga mulut dengan elok, memulihkan kata-kata dan bersungguh-sungguh dalam memelihara akhlak.

Pendakwah 2: *"Bilo anak kito dah sampai umur sepuluh tahun, tapi maleh solat, bolehlah dilapon. Tapi janganlah sampai berbirat."*

Sejak berusia tujuh tahun, kanak-kanak hendaklah dididik agar menunaikan solat. Apabila ghulam itu mencapai usia sepuluh tahun dia boleh dipukul, bersasarkan sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud (2009) yang bermaksud: *"Suruhlah anak-anak kamu mengerjakan sembahyang sewaktu mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka kerana mengabaikan solat ketika mencapai usia 10 tahun"* (Hadis. Abu Dawud. *Kitab al-Salat, Bab Mata Yu'mar al-Ghulam bi al-Salat*, No. 495). Meskipun demikian, Islam bukanlah agama yang bersifat menghukum. Ada pelbagai pilihan dan pendekatan yang boleh diterapkan dalam pendidikan anak. Menurut Adawiyah Ismail, rotan ialah langkah terakhir setelah segala pendekatan lembut telah digunakan. Hal ini disebabkan Allah SWT memerintahkan manusia menjaga hubungan dan saling menegur. Ibu bapa juga dilarang merotan sampai ke tahap mendera kerana perbuatan ini sudah lari daripada matlamat asal yang ditetapkan oleh syarak (Latifah Ariffin, 2019). Tujuan memukul anak yang mengabaikan solat adalah untuk mendidik dan bukannya memukul kerana hukuman

melanggar tatasusila dalam masyarakat.

Selain itu, tujuan kaedah ini dapat mengembalikan anak kepada kawalan ibu bapa (Nadiyah Hashim et al., 2022). Lapon, kata kerja dalam ungkapan ini sama erti dengan pukul atau belasah dengan menggunakan lidi, rotan dan sebagainya (A. Rahim Ismail et al., 2016). Lapon sinonim dengan pukul dalam bahasa baku, yang mana perbuatan mengenakan sesuatu pada sesuatu yang lain dengan kuat. Pukul juga membawa erti sesuatu perbuatan, tindakan, serangan dan sebagainya yang boleh membawa maut. Oleh hal sedemikian, penggunaan lapon agak halus berbanding dengan pukul kerana sebagaimana yang telah dinyatakan, lapon turut membawa maksud memukul dengan lidi. Maka pemaknaan dan penggunaan ini sesuai dengan kaedah dan matlamat merotan anak-anak yang mengabaikan solat, iaitu tidak sampai ke tahap mendera seterusnya mendidik mereka.

Penyakit

Pendakwah 1: *“Bagi orang yang tak tahan, asyik nak **memese**, bolehlah duduk kek saf belakang, supaya sonang nak keluar.”*

Memese, kata kerja dalam ujaran ini berkongsi pengertian yang sama dengan membeser, yang bermaksud kerap membuang air kecil (Kamus Dewan, 2005). Penggunaan ini mencerminkan eufemisme oleh pendakwah kerana kata buang air kecil, buang air seni apatah lagi kencing boleh dianggap kurang halus. Meskipun demikian, memese boleh digunakan sebagai pilihan oleh penutur kerana buang air kecil sudah dianggap lazim dan sering digunakan dalam bahasa standard, manakala buang air seni dianggap janggal dalam kalangan masyarakat Negeri Sembilan.

Pendakwah 2: *“Kalau bodan raso **doda**, eloklah ambik suhu dulu sobolum ke mosojid. Bukan apo, bimbang kok berjangkit kek orang.”*

Dalam bahasa standard, doda disebut dedar, iaitu kata adjektif yang bermaksud berasa panas-panas badan seperti hendak demam (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Penggunaan ini mencerminkan eufemisme oleh pendakwah kerana kata demam atau suhu badan yang panas kurang disenangi oleh sebahagian masyarakat, khususnya yang menyukai amalan solat berjemaah di masjid. Semasa musim COVID-19, jemaah yang bergejala seperti batuk, selesema dan demam serta khuatir dijangkiti COVID-19, dinasihatkan untuk tidak hadir ke masjid bagi menunaikan solat berjemaah di masjid. Menurut Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Osman, Mufti Pahang, individu terbabit tidak wajib untuk menunaikan solat fardu atau solat Jumaat di masjid, jika dia bimbang boleh menyebabkan jangkitan kepada orang lain. Hal ini tidak salah di sisi syarak bahkan termasuk dalam keuzuran yang syarie (Ahmad Suhael Adnan, 2020). Oleh yang demikian, bagi mengelakkan menyebut suhu badan yang panas atau demam, penutur boleh menggunakan perkataan doda yang agak lunak didengar.

Kematian

Pendakwah 1: *“Rasulullah SAW pernah bersabda kepada Aishah r.a yang bermaksud: Agak eh camano lah yo kalau kau **poi** dulu sebelum sey, sey akan memandikan, mengafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan engkau?”*

Secara literal, pergi bermaksud berjalan menuju ke sesuatu tempat, berangkat atau bertolak (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Meskipun demikian, pergi dalam ungkapan ini bermaksud menemui Yang Maha Berkuasa atau pergi ke alam barzakh. Penggantian meninggal dunia atau mati dengan pergi memenuhi ciri eufemisme kerana kematian ahli keluarga bersedih meratapi kehilangan orang tersayang. Hakikat kematian tidak dapat disanggah kerana kematian merupakan kematian parti terjadi terhadap setiap unsur hidup,

selaras dengan janji Allah SWT dalam Surah Ali Imran (3:185) yang bermaksud: “Setiap yang bernyawa akan merasakan mati” Dalam hal ini, umat Islam meyakini bahawa kematian akan dialami apabila tiba waktu yang telah ditentukan oleh Allah SWT seperti firmanya dalam Surah al-An’am (6:61) yang bermaksud: ... sehingga apabila sampai ajal maut kepada salah seorang antara kamu, lalu utusan-utusan Kami (malaikat) mengambil nyawanya; dan mereka itu (para malaikat) tidak cuai (dalam menjalankan kewajipan)”. Apabila seseorang itu meninggal dunia, seluruh kaum keluarga dan sahabat handai terkesan dengan “pemergian” (kematian) tersebut. Peristiwa ini lazimnya ditangani dengan berhati-hati, bukan sahaja dari segi prosedur pengurusannya, malah berkaitan dengan hal sosial termasuklah cara masyarakat memperkatakannya. Seajar dengan suasana kesedihan dan kehilangan yang timbul ekoran peristiwa kematian, cara berbahasa seseorang yang ingin memperkatakan hal kematian juga harus dihalusi (Hamidah Abdul Wahab et al., 2016)

Pendakwah 2: *“Malaikat maut datang tak bertanyo kek kito do. Kok **hukum dah sampai**, kek mano-mano pun dio datang.”*

Dalam ujaran ini “hukum dah sampai” bermaksud sudah tiba waktu yang sepatutnya seseorang itu meninggal dunia berdasarkan hukum atau ketentuan Allah Yang Maha Esa. Kematian merupakan sesuatu yang telah ditetapkan masanya dan semua individu akan melaluinya. Firman Allah SWT dalam surah al-A’raf (7: 34) yang bermaksud: *“Bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan); maka apabila datang ajalnya, tidak dapat mereka dikemudiankan walau satu tempoh yang singkat (sesaat), dan tidak dapat pula mereka didahulukan”*.

Ajal dalam ungkapan ini bermaksud tempoh yang hanya diketahui oleh Allah SWT, yang pasti berlaku tanpa ada kemustahilan. Tempoh atau ajal tersebut tidak mampu ditangguhkan oleh sesiapa (Qurtubi, 2006).

Pendakwah 3: *“Ada kawan sey sorang tu, semalam baru jumbo, hari ni dah **takdo**.”*

Ungkapan “takdo” atau sudah tiada digunakan untuk merujuk kepada peristiwa kematian. Individu yang dirujuk dalam ungkapan ini yang asalnya ada atau wujud sudah tiada lagi apabila individu ini mati. Penggunaan ini ada kaitan dengan masa, umur, nyawa, hayat atau kehidupan seseorang yang ada sudah tiada lagi dan masa individu tersebut sudah sampai ke penghujungnya (Noriah & Jamilah Bebe, 2016).

Ketuhanan

Pendakwah 2: *“Kito nampak langit, bumi, bangunan semuo eh **godang** kan? Tapi ingatlah, Allah SWT lagi **godang** daripada tu semuo.”*

Godang yang berasal daripada dialek Minangkabau, ialah kata adjektif yang bermaksud besar. Pendakwah menggunakan tamsilan yang mudah difahami, iaitu dengan memerhatikan penciptaan langit supaya manusia lebih merasai keagungan Tuhan Yang Pencipta. Firman Allah SWT dalam surah al-Mulk (67:4) yang bermaksud: *Dia yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah. Jika engkau masih ragu, ulangilah pandanganmu, dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?* Ibn Kathīr (1998) menjelaskan bahawa Allah SWT mengingatkan bahawa kudrat-Nya menciptakan langit dan bumi adalah lebih besar daripada apa yang dikagumi oleh manusia.

PENUTUP

Meskipun ada pandangan yang mengaitkan dialek Negeri Sembilan dengan dialek Minangkabau, dialek ini tetap mempunyai keunikan yang tersendiri. Dengan menggunakan dialek, eufemisme dapat diterapkan untuk mengelakkan ujaran sesuatu yang tidak menyenangkan yang boleh menggores perasaan, menghina atau menimbulkan kebencian pendengar. Penerapan eufemisme bagi menggantikan kata-kata yang dianggap tabu juga adalah salah satu ciri budaya masyarakat Melayu yang menjadi strategi kesantunan berbahasa. Oleh yang demikian, sebagai insan yang menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat, pendakwah hendaklah berusaha menerapkan eufemisme dalam ujaran. Hal ini penting kerana dakwah yang baik bukan sekadar mengandungi mesej yang betul, bahkan dakwah juga disampaikan dengan bahasa yang disenangi oleh golongan sasaran.

Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa antara cabaran dalam penggunaan dialek Negeri Sembilan termasuklah kebimbangan terhadap golongan sasaran dakwah yang tidak memahami dialek, kebergantungan pada bahasa yang terdapat dalam bahan rujukan yang digunakan dalam dakwah, keupayaan berbahasa penutur dan kekuatan pada bahasa yang digunakan dalam konteks seharian. Dari aspek yang lain, eufemisme dalam penyampaian dakwah dapat mengelakkan sangkaan negatif terhadap pendakwah, memberikan ketenangan jiwa kepada penuturnya serta menjadikan pendakwah gaya dakwah Rasulullah SAW yang amat mementingkan eufemisme dalam ujaran. Kajian ini turut mendapati elemen-elemen teori eufemisme yang diketengahkan oleh Allan & Burridge (1991), iaitu badan, seks, jantina, kemarahan, penyakit, kematian, ketakutan dan ketuhanan dapat diterapkan oleh pendakwah dalam dialek Negeri Sembilan. Perasaan malu, menghormati orang lain dan bersopan santun dalam ujaran boleh mengekalkan hubungan yang baik antara pendakwah dengan masyarakat. Tidak dinafikan, disfemisme dalam ujaran boleh menimbulkan masalah seperti halangan dalam membicarakan beberapa topik yang berkaitan dengan kematian, seks dan sebagainya. Halangan ini mungkin menyebabkan ujaran kurang difahami, terutamanya apabila penutur menggunakan *circumlocution*. Akan tetapi eufemisme tetap penting dan diamalkan secara berterusan bagi menghindari konflik, persepsi negatif dan perselisihan faham yang boleh menjejaskan ketenteraman dan kestabilan sesebuah masyarakat.

RUJUKAN

Buku

- A. Rahim, I., Shahwan, M., Mohd Hashim, I., Alias Mokhtar & Siti Eiasah, A.R. (2016). *Glosari Dialek Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ulwan, A.N., (1992). *Tarbiyah Al-Awlad Fi Al-Islam*. Edisi ke-21. Kaherah: Dar al-Salam.
- Abu Dawud, S. (2009). *Sunan Abi Dawud*. Shu'ayb Arnauf (pnyt.). Dar al-Risalah al-Hadithah.
- Allan, K., & Burridge, K. (1991). *Euphemism and Dysphemism Language Used as Shield and Weapon*. New York: Oxford University Press.
- Asmah Omar. (1988). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1991). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Hamka. (2012). *Tafsir Al-Azhar Jilid 10*. Pustaka Nasional PTE LTD.
- Ibn Kathir, I. (1998). *Tafsir Al-Quran Al-[©]Azim*. Beirut: Dār al-Kutub al-[©]Ilmiyyah.
- Ibn Manzur, M.K. (1993). *Lisān Al-[©]Arab*. Beirut: Dār Sādir.
- Ishak Rejab, Muhamamd Bukhari, L., Talib, A.R., Mohammad Zaki A. R. & Sirajuddin, S. (2017). *Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab*. Edisi Semakan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamus Dewan (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Klein, W. (1986). *Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohammad Fadzeli, J., Norsimah, M. A. & Idris, A. (2011). *International seminar "language maintenance and shift."* Dlm. Agus Subiyanto & M.Suryadi & Sukarjo Timothy Mcninnon, Nurhayati (pnyt.). hlm. 168–72. Semarang, Indonesia: Universitas Diponegoro.
- Muslim, al-Hajjaj. (2006). *Sahīh Muslim*. Riyadh: Dar Tibah.
- Othman, L. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Perak: Penerbitan UPSI.
- Qurtubi, M. A. (2006). *Tafsīr Al-Qurtubi*. Ahmad Al-Bardūni (pnyt.). Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Sa'di, A.R. (2000). *Taysir Al-Karim Ar-Rahman*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Sabuni, M.A. (1997). *Ṣafwah Al-Tafāsīr*. Kaherah: Dār al-Ṣābūnī.
- Saodah Wok, Narimah, I. & Mohd Yusof, H. (2003). *Teori-Teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Seong, T. K. (2019). *Bahasa dan Masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharbaji, A., Bugha, M. & Khin, M. (2010). *Fiqh Manhaji*. Dar al-Qalam.
- Siti Noraien, R. (2016). Kesantunan berbahasa dalam buku pemimpin dalam ungkapan melayu karya tenas Effendy. Universiti Malaya.
- Suyuti, Jalal al-Din Abdul Rahman. (2001). *Tafsīr Al-Jalalayn*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Tabari, M. J. (2001). *Tafsīr Al-Tabari*. ʿAbdullah ʿAbd al-Muhsin al-Turkī (pnyt.). Kaherah: Dār Hijr.
- Seong, T.K. (2019). *Bahasa Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yeop Johari, Y. (1989). Dialek melayu Negeri Sembilan: beberapa pandangan daripada sudut budaya. *Dewan Bahasa*. January.
- Zaharuddin, A.R. (2015). *Fiqh Medik Mini*. Selangor: PTS Publishing House.

Jurnal

- Hamidah, A. W., Imran Ho, A., Mohammed Azlan Mis & Khazriyati, S. (2016). Eufemisme pengurusan jenazah masyarakat melayu sarawak: analisis semantik kognitif. *Jurnal Bahasa*, 16 (1), 50–73.
- Junaini, K. & Muhammad Fahmi, A.H. (2018). Dialek terengganu dalam penyampaian dakwah: analisis sosiokognitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6 (3), 29–41.
- Kalthum, I. (2017). Cerminan jati diri penuturnya dalam dialek negeri sembilan. *Jurnal Linguistik*, 21 (1), 29–35.
- Khairul Ashraaf, S. & Harishon, R. (2023). Pemilihan bahasa dalam kalangan peserta latihan dan dakwah orang asli, Kok Lanas berdasarkan tiga domain. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 129–39.
- Muh. Syawir, D. (2014). Etika komunikasi dalam al-qur'an dan hadis. *Jurnal Dakwah Tabligh*, 15 (1), 115–23.
- Nadiyah, H., Jamalita, A. & Noraini, I. (2022). Pukulan mendidik dalam islam bagi membentuk konsistensi solat anak-anak. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 9 (1), 83–94.
- Noor Rohana, M., Noraien, M & Normaliza, A. R. (2013). Pendokumentasian dan pengekalan warisan variasi bahasa tempatan. *Jurnal Melayu*, 10, 21–35.
- Noriah, M. & Jamilah Bebe, M. (2016). Eufemisme leksikal dan metafora kematian dalam dialek melayu kedah. *Journal of Education and Social Sciences*, 4 (June), 331–42.
- Nur Damia Husna, N. S. & Zulkefli, A. (2017). Da'i language in da'wah communication toward community of orang asli. *Al-Hikmah*, 9 (1), 110–27.
- Nurul Izzah, C. Z. & Razaleigh, K. (2020). Personaliti pendakwah dalam menyantuni masyarakat non-muslim. *Al-Hikmah*, 12 (1), 37–52.
- Seong, G. S. (2011). Penterjemahan kata kerja bahasa cina-bahasa melayu: satu analisis

- ketepatan makna padanan. *Jurnal Gemaonline*, 11 (1), 35–56.
- Siti Norain, H., Nor Hashimah, J. & Zaharani, A. (2014). Variasi dialek melayu di Perak utara: analisis geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 18 (2), 30–46.
- Suzieyiana Ritos & Muhammad Zaid Daud. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat bidayah, bau: analisis pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 3 (1), 64–83.
- Syafika Atika, O. & Fazal Mohamed, M.S. (2019). Frasa kerja dalam dialek Negeri Sembilan: analisis kerangka minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3 (1), 1–14.
- Wawarah, S., Normazaini, S. Nursyamimi, H., Marhaini A.G., & Nur Hazwani, A. D., . (2021). Membina kredibiliti pendakwah selebriti: panduan berdakwah melalui media sosial. *Al-I'lam*, 1 (2), 23–40.
- Zaitul Azma Zainon, H. & Ahmad Fuad, M. H. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11 (3), 31–51.
- Zikmal, F. (2015). Pendekatan bahasa dalam dakwah (satu kajian dari perspektif al-qur'an). *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 2 (2), 14–25.
- Zulkefli, A., Abdul Ghafar, D., Anuar, P. & Nur Damia Husna, N. S. (2019). Amalan komunikasi dakwah semasa kelas bimbingan fardu ain orang asli muslim di selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4 (17), 34–47.

Laman Sesawang

- Ahmad Suhael, A. (2020). Tidak wajib solat jumaat jika khuatir dijangkiti covid-19. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/663207/tidak-wajib-solat-jumaat-jika-khuatir-dijangkiti-covid-19> (2 September 2023)
- Latifah Ariffin. (2019). Rotan, kaedah pendidikan terakhir. BH Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/581618/rotan-kaedah-pendidikan-terakhir> (12 Oktober 2023)
- Mohd. Husni, M, N. (2022). Suami suri rumah: tidak digalakkan jika tidak diredai isteri. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2022/03/09/suami-suri-rumah-tidak-digalakkan-jika-tidak-diredai-isteri/> (22 Oktober 2023)
- Munajjid, M.S. (2009). La yajūz tark al-ʿamal al-ṣāliḥ bi ḥujjah shafāḥ al-muʿminīn lanā yawm al-qiyāmah. Mawqīʿ al-Islām Suāl Wa Jawāb. <http://islamqa.info/ar/140545> Link internet (24 Oktober 2023)
- Zaiton Mohamad. (2011). Hati dan minda dua elemen penting dalam kehidupan. Utusan Borneo. <https://arkib.ums.edu.my/1228/> (2 Januari 2024)

Persidangan

- Zikmal, F. & Ahmad Ato', M. (2014). Pendekatan bahasa dalam dakwah: satu sorotan ringkas. Dlm: International Research Management and Innovation Conference, <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2014/12/045-PENDEKATAN-BAHASA-DALAM-DAKWAH.pdf>.

Temubual

- Pendakwah 1. Pendakwah Bebas dan Pemegang Mengajar Agama Negeri Sembilan. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 16 Julai 2023.
- Pendakwah 2. Guru Pendidikan Islam dan Pemegang Mengajar Agama Negeri Sembilan. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 26 Julai 2023.
- Pendakwah 3. Guru Pendidikan Islam dan Pemegang Mengajar Agama Negeri Sembilan. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 28 Ogos 2023.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.